

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penjadualan semula peperiksaan SPM, SPMV, STPM dan STAM bakal memberi kesan kepada prestasi pencapaian pelajar dalam peperiksaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat keputusan untuk meminda tarikh peperiksaan awam, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mengambil kira pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada bulan Mac hingga Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di beberapa buah negeri selepas itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjadualan semula peperiksaan awam tahun 2020 kepada suku pertama tahun 2021 adalah bagi membolehkan calon peperiksaan mempunyai tempoh masa pembelajaran yang lebih panjang untuk membuat persediaan rapi sebelum menghadapi peperiksaan tersebut. Selain daripada itu, ianya juga memberi lebih masa kepada mereka untuk mengikuti pembelajaran

NO. SOALAN : 30

secara bersemuka apabila sekolah dibuka semula. Penangguhan peperiksaan ini juga membolehkan KPM lebih bersedia untuk mengatur pelbagai aspek logistik berkaitan pelaksanaan peperiksaan.

Selain itu, calon SPM, SVM, STAM dan STPM tahun 2020 juga diberi keutamaan untuk memulakan persekolahan pada 20 Januari 2021 bagi membolehkan mereka mengikuti PdP secara bersemuka. Dengan ini, calon akan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan serta mencapai prestasi yang terbaik mengikut kemampuan masing-masing. KPM yakin penjadualan semula semua peperiksaan awam ini tidak akan membebankan murid atau memberi kesan negatif kepada prestasi pencapaian murid dalam peperiksaan.

Dalam mendepani cabaran pada masa ini, KPM memohon kerjasama semua pihak, termasuk murid, guru dan ibu bapa untuk bersama-sama menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, khususnya KPM. Setiap langkah yang diatur KPM adalah bagi memastikan generasi masa depan negara mendapat pendidikan yang terbaik walaupun dalam keadaan yang sangat mencabar.

Sekian, terima kasih.